



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2023**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**SKEMA
PEMARKAHAN**

Markah penuh : 100 markah

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2 : **6** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **4** markah

Soalan 5 : **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata akronim yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata akronim tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata akronim yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
11. Calon yang menambah imbuhan atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
12. Calon yang menggandakan perkataan diuji, diterima.

Soalan 1 – Morfologi

- (i) **purata**
 - nilai yang diperoleh dengan membahagikan jumlah sebilangan kuantiti dengan bilangan kuantiti tersebut
- (ii) **cerpen**
 - cerita pendek
- (iii) **pawagam**
 - panggung wayang gambar
- (iv) **GAPENA**
 - Gabungan Persatuan Penulis Nasional
- (v) **FINAS**
 - Perbadanan Kemajuan Filem Nasional

[Maksimum : 8 markah]

SULIT

Soalan 2 – Sintaksis

Ayat pasif kepada ayat aktif

Markah

- | | |
|--|---|
| 1. Setiap murid perlu mengambil sarapan sebelum pergi ke sekolah
Sebelum pergi ke sekolah, setiap murid perlu mengambil sarapan | 2 |
| 2. Otak memerlukan makanan untuk merangsang pemikiran dan mencerdaskan
minda | 2 |
| 3. Ibu bapa perlu memastikan anak-anak bersarapan dengan memilih menu yang
disukai mereka | 2 |

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Pelbagai kesalahan bahasa

Bahan 1

- | | | |
|-------------------------|---|----------------------|
| (i) mengapa | – | mengapakah |
| (ii) sampah-sarap | – | sampah sarap |
| (iii) disebabkan kerana | – | disebabkan oleh |
| (iv) seringkali | – | sering kali |
| (v) masa kini | – | masa ini/ kini |
| (vi) menjadikan | – | memastikan/ menjamin |
| (vii) di atas | – | atas |

[6 markah]

Bahan 2

- | | | |
|----------------------------|---|------------------------|
| (i) menghambat | – | menghiasi / mengisi |
| (ii) takat | – | tahap |
| (iii) berbanding | – | dibandingkan |
| (iv) dibuang | – | terbuang |
| (v) sembilan setengah hari | – | sembilan hari setengah |
| (vi) mempraktikan | – | mempraktikkan |

[5 markah]

[Maksimum : 11 markah]

SULIT

SULIT

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Baginda tersenyum lalu bertitah, “Benar kata-kata Tun Perak itu.”

Baginda mengambil sirih daripada tepak sirih baginda, disuruh memberikannya kepada Tun Perak. Baginda bertitah kepada Tun Perak, “Tun Perak tidak perlu tinggal/ menetap di Kelang lagi, sebaliknya tinggal/ menetap di negeri ini.”

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 - Peribahasa

Peribahasa lain yang sama / hampir sama

- (i) - di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung 2
- masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak 2
- di mana ranting dipatahkan, di situ air tersauh 2

- (ii) - kacang lupakan kulit 2
- melepaskan anjing tersepit 2
- mayang menolak seludang 2

- (iii) - gengam bara api biar sampai jadi arang 2
- alang-alang mandi biar basah 2
- alang-alang berdakwat biar hitam 2
- alang-alang berminyak biar licin 2

[Maksimum : 6 markah]

SULIT

SULIT

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

SULIT

SULIT

Soalan 6

Markah

- (i) maksud *pelbagai inisiatif*
- berbagai-bagai/ bermacam-macam/ berjenis-jenis daya usaha/ ikhtiar/prakarsa 2
 - berbagai-bagai/ bermacam-macam/ berjenis-jenis inisiatif 1
 - pelbagai daya usaha/ ikhtiar/prakarsa 1

- (ii) Institusi pendidikan di Malaysia

Bahan 1

- P1 Politeknik
P2 Kolej Komuniti

Bahan 2

- P3 mewujudkan kolej-kolej universiti
P4 pusat matrikulasi di setiap negeri
P5 Majlis Amanah Rakyat (MARA)

[Maksimum : 3 *markah*]
[Isi cukup : 2 isi]

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

- (iii) Kesan-kesan

- P1 mudah mendapat pekerjaan/ menjamin masa hadapan
P2 melahirkan individu bertanggungjawab
P3 individu berpendidikan dihormati
P4 bilangan golongan cerdik pandai bertambah
P5 bilangan tenaga mahir bertambah
P6 imej negara meningkat
P7 ekonomi negara meningkat
P8 negara aman

(Kesan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 *markah*]
[Isi cukup : 2 isi]

- (iv) Langkah-langkah

- P1 membantu mendapatkan bantuan kewangan
P2 mewujudkan tabung khas pendidikan
P3 memberi bantuan barang keperluan persekolahan
P4 bekerjasama dengan pihak jabatan pendidikan untuk memastikan mereka bersekolah semula
P5 memberi nasihat kepada keluarga mereka tentang kepentingan pendidikan

(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 *markah*]
[Isi cukup : 3 isi]

SULIT

SULIT

Soalan 7

Markah

- (i) Maksud *menunjukkan kemodenan*
- Memperlihatkan/menampakkan/menandakan/membuktikan sifat/ ciri terkini/ terkemas kini/ terbaru/ semasa/ mutakhir 2
 - *Menunjukkan* sifat/ ciri terkini/ terkemas kini/ terbaru/ semasa/ mutakhir 1
 - Memperlihatkan/ menampakkan/ menandakan/ membuktikan *kemodenan* 1

(ii) **Nasib Bahasa Melayu**

Bahan 1

- P1 sinarmu semakin suram
P2 tidak dapat ditentukan tempoh masa bahasa Melayu dapat dimartabatkan kembali (entah bila nanti cahaya kemilaumu akan kembali memancar)

Bahan 2

- P3 anak muda peribumi tanah air ini yang tidak segan silu menjual bahasa ibunda
P4 bercakap dalam bahasa yang entah apa-apa
P5 pelbagai istilah rojak yang dicampuradukkan dengan bahasa asing yang mengelirukan

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum: 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) **Sebab-sebab**

- P1 ingin menunjukkan kehebatannya dalam pelbagai bahasa
P2 pengaruh media massa/ media sosial
P3 pengaruh keluarga
P4 kemahiran berbahasa yang lemah/ kosa kata terhad
P5 faktor persekitaran/ rakan sebaya

(Sebab lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

(iv) **Perubahan-perubahan**

- P1 menambah bahan bacaan dalam bahasa Melayu
P2 menampal kata-kata motivasi yang berkaitan dengan bahasa Melayu
P3 memperbanyak Kamus Dewan
P4 menyediakan sudut khas bahasa Melayu
P5 mencadangkan kepada pihak sekolah untuk mengadakan pertandingan bahasa
P6 mencadangkan kepada pihak sekolah untuk mengadakan kempen Cintai Bahasa Melayu
P7 membantu pihak sekolah untuk memperkasakan program NILAM

(Perubahan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

SULIT

Soalan 8

Markah

(i) Perkara-perkara

P1	peristiwa malang yang mengakibatkan kematian anak kesayangannya	1
P2	Imej pada filem sinar-X	
P3	bunyi Unong Siron mengerang kesakitan semasa dibawa ke bilik bedah tadi	1
P4	wajah Unong Siron yang pernah gebu suatu ketika dahulu, sekarang sudah berubah menjadi kurus cengkung dan sepucat mayat	1

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **peristiwa** yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 6 markah]

SULIT

8 (ii) Peristiwa yang dapat dijadikan motivasi oleh pembaca

Novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin

1. Peristiwa Doktor Raiha berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan pembedahan sendi tulang pinggul yang akan dilakukan olehnya ke atas Unong Siron berjaya. Doktor Raiha telah meneliti beberapa kali filem Sinar-X sendi tulang pinggul Unong Siron untuk mengenal pasti punca pembedahan yang dilakukan ke atas Unong Siron sebanyak lima kali mengalami infeksi sehingga terpaksa dibedah kali keenam.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat dijadikan motivasi oleh pembaca untuk melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan dengan sebaik mungkin/ bersungguh-sungguh.

2. Peristiwa Doktor Raiha tabah menghadapi kematian anak tunggal kesayangannya Rohayu yang mati disambar api apabila suaminya Doktor Sadiz membakar kereta Porsche miliknya di tepi sebuah rumah tumpangan. Peristiwa tersebut sentiasa terbayang-bayang dalam fikiran Doktor Raiha, namun beliau terus tabah dan menjalankan tugasnya dengan baik.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini memberi motivasi kepada pembaca agar tabah menghadapi ujian atau cabaran dalam kehidupan.

3. Peristiwa ibu Unong Siron menyelesaikan masalah pencerobohan Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) oleh seorang pemuda yang menyamar sebagai doktor dan menjadikan Felicia Landosi sebagai tawanan di bilik bedah. Ibu Unong Siron menawarkan diri untuk memujuk pemuda yang kurang siuman itu dengan memberitahu anaknya Unong Siron sakit parah dan memerlukan rawatan kecemasan. Hal ini menyebabkan pemuda itu melepaskan Felicia Landosi.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat dijadikan motivasi oleh pembaca untuk bertindak dengan bijak dalam menyelesaikan masalah tanpa memudaratkan sesiapa.

4. Peristiwa Doktor Raiha menerima tugas melakukan pembedahan ke atas Unong Siron daripada Doktor Uwang pada saat-saat akhir dengan penuh tanggungjawab. Doktor Raiha membuat penelitian dan pemerhatian yang mendalam terhadap filem sinar-X sendi tulang pinggul Unong Siron untuk memastikan punca infeksi dan pembedahan kali keenam itu berjaya.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat dijadikan motivasi oleh pembaca untuk berusaha dengan gigih kerana usaha yang dilakukan dengan penuh tanggungjawab dan bersungguh-sungguh akan berjaya.

5. Peristiwa ibu Unong Siron menjaga Unong Siron yang terlantar sakit di Pusat Rawatan Pantai Kasih sehingga menjalani pembedahan penggantian sendi tulang pinggul kali yang keenam.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat memberi motivasi/mendorong pembaca untuk menghargai pengorbanan dan kasih sayang ibu bapa terhadap mereka.

SULIT

SULIT

6. Peristiwa Felicia Landosi yang bersungguh-sungguh memohon maaf kepada Doktor Raiha kerana terlibat secara tidak sengaja dalam peristiwa yang menyebabkan kematian anak Raiha iaitu Rohayu.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat dijadikan motivasi oleh pembaca untuk memohon maaf apabila melakukan kesilapan.

7. Peristiwa Doktor Raiha memaafkan Felicia Landosi yang bersubahat dengan Doktor Sadiz dalam kebakaran kereta Porsche sehingga menyebabkan kematian Rohayu.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat dijadikan motivasi oleh pembaca untuk memaafkan mereka yang pernah melakukan kesilapan pada masa lalu.

8. Peristiwa Doktor Raiha enggan menggugurkan kandungan apabila disuruh oleh suaminya Doktor Sadiz setelah mendapati bayi yang dikandungnya itu tidak normal / cacat. Doktor Raiha tetap dengan keputusannya hendak meneruskan kandungan tersebut dan melahirkannya.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat dijadikan motivasi oleh pembaca agar menyayangi anak-anak walaupun cacat kerana anak-anak merupakan darah daging mereka sendiri.

9. Doktor Raiha melihat keadaan Unong Siron di dalam wad dan melayan pertanyaan ibu Unong Siron dengan baik apabila ibu Unong Siron bertanyakan keadaan anaknya. Doktor Raiha menjelaskan bahawa dia mendoakan agar operasi kali ini berjaya dan masalah yang dialami sebelum ini tidak berulang.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat dijadikan motivasi oleh pembaca untuk berbuat baik kepada sesiapa sahaja sebagaimana Doktor Raiha.

10. Peristiwa Doktor Raiha memberikan rawatan kecemasan kepada Dr Uwang dengan bantuan beberapa orang jururawat terlatih. Bagi Doktor Raiha, jika dapat menolong para pesakitnya, tidak kira siapapun, itu merupakan suatu kepuasan untuk dirinya.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat memberi motivasi kepada pembaca untuk menjadi seperti Doktor Raiha yang sanggup membantu sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan.

(Peristiwa yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

SULIT

SULIT

Novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

1. Peristiwa Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman gigih menjayakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor untuk memastikan bintang-bintang dapat dilihat semula dengan mata kasar dan mengembalikan kegemilangan Kuala Selangor sebagai sebuah pusat kajian falak yang terkenal di peringkat antarabangsa.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat memberi motivasi kepada pembaca untuk berusaha melestarikan alam sekitar agar keindahan / ekosistem alam dapat dikekalkan.

2. Peristiwa Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan ancaman daripada Dato. Johan Arlington-Majid dan konco-konconya yang berusaha untuk menggagalkan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat memotivasikan pembaca agar tabah menghadapi cabaran untuk mencapai matlamat yang dicita-citakan.

3. Peristiwa semasa Nurul Hafsa baru bekerja sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin. Nurul Hafsa telah menjalankan tugas yang diberikan kepadanya dengan melayan kunjungan rombongan 15 orang pelajar dan 3 orang guru dari Jepun walaupun rombongan tersebut tidak dapat melihat bintang-bintang di langit.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat memotivasikan pembaca agar menjalankan tugas dengan baik dalam apa-apa jua keadaan.

4. Peristiwa Nurul Hafsa dan Budiman bergegas ke tempat kejadian Muhammad Taufik diserang oleh orang upahan Dato' Johann Arlington-Majid. Nurul Hafsa membawa Muhammad Taufik ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Nurul Hafsa juga berjanji kepada Muhammad Taufik untuk meneruskan usaha mereka melestarikan alam sekitar sekiranya berlaku perkara buruk kepada Muhammad Taufik.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat memberi motivasi kepada pembaca untuk mencari rakan yang mempunyai semangat setia kawan dalam persahabatan.

5. Peristiwa Nurul Hafsa, Budiman dan Muhammad Taufik bekerjasama menjayakan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap. Budiman bersetuju untuk membantu adiknya Nurul Hafsa. Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa juga bekerjasama mengemas kini dan memantapkan bahan pembentangan mereka untuk dibentangkan di hadapan Pegawai Daerah Kuala Selangor.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat dijadikan motivasi kepada pembaca untuk bekerjasama dalam menjayakan sesuatu tugas agar tugas itu dapat disempurnakan dengan baik.

6. Peristiwa Nurul Hafsa berani menegakkan hujah ketika membentangkan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar. Nurul Hafsa berani mempertahankan hujahnya apabila disoal oleh Dato' Johan Arlington-Majid demi memastikan projek tersebut dapat dilaksanakan.

SULIT

SULIT

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat dijadikan motivasi oleh pembaca agar berani menegakkan hujah untuk memastikan cadangan /pandangan yang baik dapat dilaksanakan.

7. Peristiwa Tan Sri Muhaimin bekerjasama dengan pihak polis untuk mencari jalan penyelesaian dalam kes penculikan anaknya Muhammad Taufik. Orang ramai juga memberikan kerjasama kepada pihak polis dengan melaporkan tempat penculik menyembunyikan Muhammad Taufik sehingga kumpulan penculik dapat ditewaskan dan Muhammad Taufik berjaya diselamatkan.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat dijadikan motivasi oleh pembaca agar mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan jenayah.

8. Peristiwa Muhammad Taufik sentiasa berikhtiar untuk menyatukan semula ibu bapanya dengan menjadi seorang anak yang patuh. Muhammad Taufik juga berusaha menjadi penyambung hubungan Tan Sri Muhaimin dan Puan Maryam Wickham dengan cara paling halus kerana dia tahu bahawa kedua-dua orang tuanya itu ego lagi keras hati.

Huraian / Alasan

Peristiwa ini dapat dijadikan motivasi oleh pembaca agar terus berusaha untuk menyatukan semula ibu bapa yang berpisah/ yang menghadapi masalah rumah tangga.

(Peristiwa yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

SULIT

SULIT

BAHAGIAN C : RUMUSAN

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi maksimum **20 markah**
- (b) Bahasa maksimum **10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana
- peribahasa

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja seperti jadual di bawah.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima (8 Isi Lengkap)										Markah Maksimum
(i) Pendahuluan												2
(ii) Isi Bahan 1												16
Fokus 1 (Punca-punca)	3	3	3	3	2	2	2	2	1	1		
Fokus 2 (Cara-cara)	4	3	2	2	4	3	3	2	4	4		
(iii) Isi Bahan 2												
Fokus 1 (Punca-punca)	2	1	2	1	1	2	1	2	2	1		
(iv) Isi Bahan 3												
Fokus 2 (Cara-cara)	2	1	1	2	1	1	2	2	1	2		
Jumlah Isi	11	8	8	8	8	8	8	8	8	8		
(v) Penutup/Kesimpulan												2
Jumlah Markah											20	

SULIT

SULIT**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah **bahasa tidak bergantung kepada markah isi** tetapi dinilai secara **holistik**.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	<ul style="list-style-type: none">• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik.• Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu.• Penggunaan kosa kata luas dan tepat.• Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	<ul style="list-style-type: none">• Kesenambungan ayat baik.• Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu.• Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat.• Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	<ul style="list-style-type: none">• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik.• Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu.• Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat.• Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	<ul style="list-style-type: none">• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah
- (ii) Jika markah isi 6 markah ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, berikan 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

SULIT

SULIT

Soalan 9 – Rumusan

Pendahuluan [2 markah]	Markah
P1 ...membincangkan punca-punca / sebab-sebab berlakunya kemalangan jalan raya dan cara-cara / langkah-langkah / usaha-usaha / kaedah-kaedah untuk mengatasi kemalangan jalan raya.	2
P2 ...membincangkan punca-punca / sebab-sebab berlakunya kemalangan jalan raya.	1
P3 ...membincangkan cara-cara / langkah-langkah / usaha-usaha / kaedah-kaedah mengatasi masalah kemalangan jalan raya.	1
Nota : jika tidak menyatakan tugas dan tema	0

Isi [16 markah]

FOKUS 1 Punca-punca

Bahan 1

A1	pengguna jalan raya bersikap mementingkan diri sendiri	2
A2	perantau yang memandu dalam keletihan	2
A3	peningkatan bilangan pengguna jalan raya pada musim perayaan	2

Bahan 2

B1	memandu sangat laju / melebihi had laju	2
B2	menggunakan telefon bimbit	2

FOKUS 2 Cara-cara

Bahan 1

C1	masyarakat mesti membudayakan amalan pemanduan selamat di jalan raya	2
C2	perantau sepatutnya menggunakan kemudahan perhentian rehat dan rawat	2
C3	orang ramai menggunakan pengangkutan awam untuk pulang ke kampung pada musim perayaan	2
C4	pihak berkuasa mesti mengadakan kempen kesedaran yang efektif secara meluas	2

Bahan 3

D1	selenggara kenderaan mesti berkala	2
D2	dibaiki segera jalan rosak	2

Kesimpulan [2 markah]

	Markah
K1 Kesimpulannya, masalah kemalangan jalan raya perlu diatasi supaya/ agar harta dan nyawa selamat.	2
K2 Kesimpulannya, kemalangan jalan raya perlu diatasi. (Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)	1

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

SULIT